

**Dr Mahathir buat dakwaan berdasarkan andaian, kata 1MDB  
Malaysian Insider  
Dec 3, 2015**

Tun Dr Mahathir Mohamad terus mengulangi dakwaan lama, tidak mempunyai bukti serta tidak berasas dan hanya berdasarkan apa yang beliau sendiri akui sebagai 'andaian', bukan bukti, kata 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Dalam kenyataan hari ini, 1MDB berkata perkara itu berlaku walaupun penjelasan terperinci dan berasaskan fakta dikeluarkan pihaknya dan "hakikat Dr Mahathir berulang kali dibuktikan tersilap berhubung dakwaannya RM42 bilion hilang daripada 1MDB".

"Tidak seperti Tun (Dr) Mahathir, yang bergantung pada andaian, 1MDB lebih suka berurusan dengan berasaskan fakta. Adalah suatu fakta akaun 1MDB diaudit firma antarabangsa ternama. Adalah juga suatu fakta sesiapa sahaja dengan mudah boleh mengesahkan fakta dan angka 1MDB dengan menyemak akaun yang diaudit dan dedahkan kepada umum," kata kenyataan itu.

Kenyataan ini merujuk kepada tulisan terbaru bekas perdana menteri itu dalam blognya.

1MDB berkata melalui kenyataannya, Dr Mahathir secara jelas menunjukkan beliau memandang hina dan rendah terhadap pelbagai agensi yang sedang menyiasat 1MDB. – Bernama, 3 Disember 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dr-mahathir-buat-dakwaan-berdasarkan-andaian-kata-1mdb>